

TARIKH: 22/7/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 5

# Peluang kerja golongan belia

Belanjawan 2023:  
Peruntukan ruang  
penempatan pekerjaan di  
sektor awam dan swasta

Oleh DIANA AZIS

**K**ebajikan golongan belia terus diberi perhatian menerusi pelbagai inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 pada Februari lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Golongan belia dibantu bagi menghadapi cabaran dan beban kos sara hidup termasuk potensi kerjaya dan masa depan.

Bagi membantu menangani masalah pengangguran dalam kalangan belia, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Rakan Strategik akan menawarkan 35,000 peluang kerjaya kepada lepasan sekolah dan graduan.

Kerajaan turut menggalakkan anak muda meningkatkan keupayaan dan kemahiran bagi meraih gaji yang lebih bermakna.

Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) antara syarikat yang menyokong usaha kerajaan dalam membantu golongan belia mudah diterima dalam industri pekerjaan.

Kerajaan menerusi inisiatif Belanjawan 2023 melaksanakan program latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja bagi majikan yang berdaftar dan mempunyai levi terkumpul melalui HRD Corp dengan dana RM1 bilion.

Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood berkata, kerajaan sedang berusaha mempromosikan kerjasama antara sektor awam dan swasta untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada belia dengan menawarkan skim atau program khas seperti latihan praktikal atau program permulaan kerjaya.

Menurutnya, menerusi inisiatif itu HRD Corp terlibat secara langsung menerusi pembangunan modal insan dan program

peningkatan kemahiran bagi memberi peluang kepada belia mendapat tempat dalam agensi kerajaan mahupun GLC.

Namun jelasnya, HRD Corp menerapkan skim praktikal tersendiri menerusi HRD Corp New Talent Programme yang tidak terikat dengan mana-mana inisiatif kerajaan.

## Jaminan kerja

Beliau berkata, program itu membuka peluang lanjutan kepada peserta yang sedang menjalani latihan praktikal untuk ditempatkan dalam syarikat secara tetap atau kontrak sekiranya memenuhi syarat-syarat ditetapkan.

"Kita juga akan memberi sokongan dan bimbingan dengan menawarkan program pembangunan kemahiran tambahan, peluang pengajaran dan pembelajaran serta sokongan mentor atau rakan sejawatan dalam industri.

"Ini bertujuan untuk membantu mereka meningkatkan kebolehan membina kerjaya yang kukuh.

"Mereka yang menjalani latihan praktikal di sini memperoleh jaminan dan kemungkinan membangun kerjaya dalam agensi kerajaan atau GLC," katanya.

HRD Corp menerusi Skim Latihan Industri (ITS) telah menyediakan 6,243 tempat latihan pada tahun 2022 dengan bantuan kewangan sebanyak RM10.97 juta.

Menerusi Skim Future Workers Training (FWT) pula, ia menawarkan 445 tempat latihan dengan bantuan kewangan sebanyak RM829,000.

"Bagi Januari hingga April 2023, terdapat 3,787 tempat latihan disediakan ITS dengan bantuan kewangan sebanyak RM7.42 juta, manakala FWT menawarkan 107 tempat latihan dengan bantuan sejumlah RM1.16 juta.

## Penyediaan skim latihan

Menurut Shahul, ITS merupakan skim yang direka khas untuk memberi bantuan kewangan kepada pelatih yang menjalani latihan di organisasi perniagaan pilihan mereka.

Skim ini bertujuan untuk memberi

pengalaman praktikal di sektor perniagaan selain memperkukuh kemahiran pelatih dalam persekitaran sebenar kerja.

"Menerusi ITS, pelatih diberi elaun bulanan maksimum RM500, peralatan perlindungan peribadi termasuk insurans sebagai perlindungan tambahan sekiranya berlaku kes kecemasan atau kemalangan yang tidak dijangka.

"Bantuan kewangan juga disediakan berdasarkan 20 peratus daripada baki levi semasa permohonan pertama tahun tersebut dibuat bagi meringankan beban mereka," jelasnya.

Mengenai FWT katanya, ia merupakan skim untuk memperkukuh latihan dan pembangunan tenaga kerja dalam memenuhi keperluan pasaran pekerjaan yang semakin mencabar.

"Skim ini dirancang khas untuk mempersiapkan pekerja masa depan yang kompeten dan berkemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa dan masa hadapan.

"FWT juga menekankan pembangunan kemahiran teknologi dan inovasi termasuk latihan dalam bidang teknologi maklumat, kecerdasan buatan, kecerdasan data, keupayaan siber dan bidang yang berkaitan revolusi Industri 4.0," katanya.

Jelas Shahul, HRD Corp turut menyediakan platform latihan dalam talian e-LATIH kepada belia. Mereka boleh mengakses modul-modul latihan yang disediakan selain mengambil bahagian dalam latihan pada bila-bila masa yang sesuai dengan jadual.

"e-LATIH menawarkan pelbagai topik latihan yang relevan kepada golongan belia antaranya kemahiran teknologi, keusahawanan, kemahiran kepimpinan dan pengurusan diri," ujarnya.

Layari [www.belanjawan.mof.gov.my/](http://www.belanjawan.mof.gov.my/) manfaat untuk mengetahui lebih lanjut cara untuk mendapatkan manfaat daripada inisiatif ini dan meneroka lebih banyak peluang yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat.

#Belanjawan 2023  
#BelanjawanMADANI

## REAKSI BELIA

“

Inisiatif yang disediakan ini ternyata dapat membantu belia meningkatkan kualiti dalam pasaran kerjaya. Sekurang-kurangnya mereka dapat menimba pengalaman.”

- Mastura Mohd Yusof, 35.



“

Program yang ditawarkan sangat menarik kerana latihan-latihan disediakan membantu pelatih mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar.”

- Rohaida Abu, 30.



“

Tawaran yang disediakan memang bagus malah kadar elaun yang diberikan juga berpatutan. Konsep latihan yang diperkenalkan memudahkan belia menyertainya.”

- Shafawati Munirah Mohd Zin, 34.



“

Inisiatif kerajaan ini mungkin boleh diperluaskan lagi dan orang ramai khususnya belia perlu ambil peluang menyertai program-program sebegini.”

- Muhamad Aiman Asyraf Ezanee, 23.



“

Kerjaya berkaitan kemahiran memang diperlukan pada masa kini. Jadi, skim-skim latihan seperti ini memang sesuai diperbanyakkan lagi untuk meningkatkan mutu kerja.”

- Azizi Adnan



“

Skim latihan yang ditawarkan ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan memberi pengalaman kerja kepada pelatih untuk tingkatkan kemahiran bekerja.”

- Susilawati Mardi, 36.



## Skim dan program ditawarkan HRD Corp untuk golongan belia:

### Skim Latihan Industri (ITS)

- Menyediakan bantuan kewangan kepada pelatih yang menjalani latihan di organisasi perniagaan pilihan.
- Elaun bulanan maksimum RM500 dan peralatan perlindungan peribadi untuk kegunaan pelatih.
- Bantuan kewangan 20 peratus daripada baki levi semasa permohonan pertama tahun tersebut dibuat.
- Menyediakan perlindungan insurans jika diperlukan.

### Skim Future Workers Training (FWT)

- Menyediakan bantuan kewangan untuk membiayai kos latihan peserta mereka.
- Menyediakan pembangunan kemahiran teknologi dan inovasi bagi revolusi Industri 4.0.
- Memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.

### HRD Corp Placement Centre (HPC)

- Perantara pencari pekerjaan dan majikan, membantu memadamkan keperluan dan kebolehan individu dengan kekosongan pekerjaan yang ada.
- Menyediakan bimbingan dan sokongan dalam mencari pekerjaan sesuai dengan kemahiran dan minat.

### e-LATIH

- Platform latihan dalam talian.
- Menyediakan akses modul-modul latihan yang disediakan HRD Corp.
- Menawarkan pelbagai topik latihan yang lengkap dan berkualiti.